

Soft Skill tingkat kualiti graduan

KUANTAN 8 Okt. - Kementerian Pengajian Tinggi akan memperkenalkan satu modul baru iaitu *Soft Skill* di semua institusi Pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti graduan.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, *Soft Skill* adalah modul penting dan diwajibkan untuk memperkasakan pelajar-pelajar Universiti bagi meningkatkan komunikasi.

Katanya, *Soft Skill* adalah salah satu elemen baru bagi menjana kemahiran pelajar menguasai komunikasi supaya mereka merasa yakin dan mampu mencapai kejayaan apabila memasuki dunia pekerjaan.

"Setiap mahasiswa yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang masih dianggap gagal jika tidak mempunyai *Soft Skill* kerana mereka tidak pandai bercakap dan ia diwajibkan kepada semua mahasiswa di IPTA," katanya.

Mustapa berkata demikian semasa berucap kepada para mahasiswa Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia

(Kuktem) selepas menunaikan sembahyang Maghrib di Masjid Kuktem, di sini malam tadi.

Sebelum itu Mustapa yang diiringi oleh Rektor Kuktem, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama pelajar dan kakitangan kolej itu.

Sebelum itu pada sebelah petang, beliau turut meluangkan masa melawat tapak kampus tetap projek Universiti itu di Kuala Pahang.

Menurut beliau, program *Soft Skill* telah dilancarkan di KUKTEM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ia menunjukkan impak yang baik kepada para pelajar kedua-dua Universiti tersebut yang telah mengikuti kursus itu.

Katanya, kementerianya akan memantau program itu dari semasa ke semasa dalam tempoh setiap enam bulan supaya modul tersebut mampu memenuhi matlamat bagi melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan mampu berkomunikasi dengan baik.

Berucap di majlis yang sama, Mustapa

memberitahu, kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk menukarkan nama Kuktem kepada nama baru iaitu Universiti Malaysia Pahang.

Katanya, penukaran nama itu dibuat bagi memenuhi hasrat kerajaan negeri Pahang yang ingin memiliki sebuah Universiti sendiri dan nama Kuktem itu sendiri memberikan pengertian yang negatif kepada masyarakat dan pihak industri.

"Kita telah mengambil kira pandangan banyak pihak termasuk daripada bekas-bekas pelajar Kuktem sendiri sebelum mengambil keputusan menukar nama Universiti ini.

"Ramai yang beranggapan kolej Universiti memberikan gambaran Kuktem adalah Universiti kelas kedua dan memberi persepsi negatif terutamanya untuk bersaing dengan graduan IPTA lain dalam dunia pekerjaan," katanya.

Sehubungan itu Mustapa berharap penukaran nama itu akan memberikan imej baru yang lebih positif terutamanya kepada pihak industri supaya tidak memandang Kuktem sebagai Universiti kelas kedua.